

17/11/2001

Takrifan tepat memudahkan usaha tangani pegganas

KEGANASAN diperakui adalah musuh bersama masyarakat global dan tidak terbatas kepada negara kuasa besar seperti Amerika Syarikat semata-mata. Lantaran itu, pegganas tidak harus dikaitkan dengan mana-mana kumpulan etnik atau agama, apatah lagi tanggapan bahawa hanya Islam yang sinonim dengan keganasan. Masalahnya ialah pegganas diberi takrif berbeza-beza tanpa ada kesepakatan antarabangsa terhadap suatu garis panduan yang dapat dijadikan rujukan bersama. Sambil negara tertentu melihat kekerasan keterlaluan individu atau kumpulan tertentu melayakkan takrif pegganas diberikan, negara lain pula mungkin tidak berkongsi pendapat yang sama.

Antara lain, tindakan pegganas terhadap masyarakat umum perlu dibezakan daripada perjuangan sebenar rakyat untuk membebaskan negara mereka daripada kuasa asing dan untuk menentukan sendiri masa depan mereka. Penggunaan kekerasan melampau oleh negara tertentu sehingga menyebabkan kehilangan banyak nyawa, kecederaan dan kesengsaraan kepada masyarakat umum juga sama kejamnya seperti perbuatan zalim kumpulan pegganas. Kerana itu, adalah penting untuk mencapai definisi jelas dan dipersetujui secara sejagat mengenai keganasan. Tanpa satu definisi demikian, ia pasti sukar untuk merumus atau menguatkuasakan perjanjian antarabangsa bagi memerangi gejala berkenaan.

Ketika Amerika begitu ghairah untuk membalas dendam terhadap serangan ke atas Pusat Dagangan Dunia dan Pentagon, 11 September lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah pemimpin pertama yang menuntut agar definisi dan tafsiran lebih jelas dibuat mengenai pegganas. Satu hakikat penting yang ditonjolkan Perdana Menteri untuk pertimbangan dunia ketika itu ialah tanggapan terhadap pegganas tidak boleh dibuat secara rambang. Dalam ucapan tamanya pada persidangan mengenai keganasan di ibu negara semalam, Dr Mahathir mengulangi peri pentingnya supaya dibezakan di antara tindakan ganas dan perbuatan pegganas dalam erti kata sebenar bagi memudahkan usaha membanteras isu keganasan antarabangsa.

Ketertiban tindakan di antara apa yang harus didahulukan dan apa yang patut dikemudiankan, harus turut terpakai dalam menangani masalah pegganas. Pertama, kesepakatan hendaklah dicapai dalam mentakrifkan perbuatan keganasan dan ini disusuli langkah mengenal pasti pegganas dan memburu mereka, seterusnya mengkaji sebab-sebab keganasan itu dilakukan dan disudahi dengan langkah-langkah untuk gejala keganasan dibendung. Hanya dengan definisi jelas seperti itu, perbandingan di antara siapa sebenarnya pegganas dan bukan pegganas dapat didasarkan kepada tindakan dan bukan terhadap individu, kumpulan, kaum atau agama.

Adalah amat malang apabila wujud kecenderungan untuk memerangi hanya pegganas Islam sekalipun pegganas beragama lain turut bertanggungjawab ke atas korban, kecederaan atau kemusnahan yang sama hebat, walaupun tidak lebih buruk lagi. Apalah dosa ramai orang awam Afghanistan yang turut menjadi korban angkara kemarahan Amerika terhadap Osama bin Laden dan pejuang Taliban berbanding tentera Israel yang menumpahkan darah rakyat Palestin yang hanya berusaha mempertahankan tanah mereka sendiri? Dalam merungkai tafsiran sebenar di antara pegganas dan bukan pegganas, tidak harus wujud pendirian untuk membeza-bezakan di antara kawan dan lawan. Pegganas hendaklah ditakrif berdasarkan perlakuan ganasnya, bukan kerana Islam adalah agama anutannya atau negaranya bukan sekutu negara kuasa besar.

(END)

